



Buletin IKIM BULLETIN

Bil. 1/2018 • PERCUMA • JAN-FEB/2018 | Vol.1/2018 • FREE • JAN-FEB/2018

03-62046200

03-62046333

<http://www.ikim.gov.my>

<https://www.facebook.com/institutkefahamanislam malaysia>



Anugerah Nasyid 2017 (AN17)
2017 Nashid Awards (AN17)

halaman 3-4 / see page 3-4 ▶▶

Karnival IKIM Selangor 2018/
IKIM Selangor Carnival 2018

samb. halaman 5 / see page 5 ▶▶

**Forum Harmoni "Meraikan
Kepelbagaian Dan Keharmonian
Antara Penganut Agama"**
*Harmony Forum on "Celebrating Diversity
and Harmony among Religious Adherents"*

samb. halaman 6 / see page 6 ▶▶

**Persidangan Meja Bulat "Matawang
Kripto & Sistem Kewangan Digital"**
*Roundtable Conference on "Crypto Currency
& Digital Finance System"*

samb. halaman 9 / see page 9 ▶▶

Penasihat / Advisors

Datuk Prof. Dr. Azizan Baharuddin
Ketua Pengarah/Director-General

Dr. Mohd. Zaidi Ismail
*Timbalan Ketua Pengarah/
Deputy Director-General*

Sidang Pengarang / Editorial Board

Zawiah Md. Sari
Muhamad Asim Ismail
Ayob Hj. Hassan
Mohd Noor bin Musa

Penterjemah / Translator

Mastura Mohd. Zain

Penyunting / Editor

Zainora Abdul Ghani

Jurugambar / Photographer

Fathulmungin Mohd. Yusof

Edaran / Distribution

Ayob Hj. Hassan
Fathulmungin Mohd. Yusof

Diterbitkan oleh / Published by

Unit Perhubungan Korporat
Institut Kefahaman Islam Malaysia
No. 2 Langgak Tunku
Off Jalan Tuanku Abdul Halim
50480 Kuala Lumpur

Pencetak / Printer

UKM Cetak Sdn Bhd
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bandar Baru Bangi
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

Isi Kandungan Contents

Buletin Januari-Februari 2018 / January-February 2018 Bulletin

03-08 Program/Seminar / Programme/Seminar

- Anugerah Nashid 2017 (AN17) / 2017 Nashid Awards (AN17)
- Karnival IKIM Selangor 2018/ 2018 IKIM Selangor Carnival
- Forum Harmoni "Meraikan Kepelembagaan dan Keharmonian Antara Penganut Agama"/Harmony Forum on "Celebrating Diversity and Harmony Among Religious Adherents"
- Seminar Maqasid Al-Syariah & Perubahan Iklim / Seminar on Maqasid Al-Shariah & Climate Change
- Persidangan Meja Bulat "Matawang Kripto & Sistem Kewangan Digital"/ Roundtable Conference on "Crypto Currency & Digital Finance System"
- Muzakarah Pakar Pengajian Islam Integrasi / Expert's Consultation on Integration of Islamic Studies

09 Ceramah/Bengkel / Talk / Workshop

- Forum "Selangkah Ke Alam Barzakh" / Forum on "A Step into the Barzakh World"
- Kursus Kesejahteraan Psikososial Dalam Organisasi / Course on Psychosocial Wellness in Organisation

10 Pembentangan / Presentation

10-12 Aktiviti Semasa/ Current Activities

- Majlis Penyampaian Hadiah Kepada Pemenang AN17 / Prize Presentation Ceremony to AN17 Winners
- Penghargaan sempena Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Sedunia / Acknowledgment in conjunction with World Harmony Week Celebration
- Majlis Perhimpunan Agensi-Agensi / Gathering of Agencies

- ♦ ▪ Duniaku Buku / My World of Books

12 Penganugerahan / Awards

13 IKIM Di Media / IKIM In The Media

14 IKIMfm / IKIMfm

14-15 Lawatan & Kunjungan Hormat / Visits & Courtesy Calls



ANUGERAH NASYID 2017 (AN17)

IKIM telah menganjurkan Anugerah Nashid 2017 (AN17) dengan hasil kerjasama NBoS bersama Al-Hijrah Media Corporation (TV Alhijrah) pada 13 Januari 2018 di Stadium Malawati, Shah Alam, Selangor. Penganjuran anugerah ini bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada penggiat industri dari kalangan pencipta lagu, penulis lirik, penyanyi dan lain-lain pihak yang terlibat dalam penghasilan karya mereka. Lagu-lagu nasyid yang dipertandingkan tidak hanya menampilkan genre nasyid semata-mata tetapi diperluaskan juga kepada lagu yang bertemakan ketuhanan dan kemanusiaan.

AN17 bermula dari Segmen Carta Nasyid IKIMfm yang bersiaran setiap Sabtu jam 10 pagi kendalian dan terbitan Mohd Erwan Johari, bermula Mac 2015 sehingga Mei 2017 menerusi undian pendengar setiap minggu. Sebagai kemuncak kepada setiap musim rancangan carta tersebut, IKIM dengan kerjasama TVAH telah mengadakan konsert Semi-Final Anugerah Nashid 2017(AN17) pada 11, 18 & 25 November 2017 (Sabtu) bertempat di Big Studio, ABS.

Lagu-lagu yang telah berjaya memasuki carta pada setiap minggu akan dinilai mengikut sistem pemarkahan yang ditetapkan IKIM. Penilaian penganugerahan yang jitu lagi berkesan daripada Panel Juri Profesional yang dilantik di kalangan para penggiat industri muzik tempatan menjadikan Majlis AN17 sebuah majlis yang

- Lah Ahmad ketika menyampaikan lagu "Salam" semasa Anugerah Nashid 2017 (AN17) di Stadium Malawati, Shah Alam, Selangor.
- *Lah Ahmad during his rendition of the song "Salam" at the 2017 Nashid Awards (AN17) at Malawati Stadium, Shah Alam, Selangor.*

berprestij serta unggul di arena hiburan Islam tempatan dan antarabangsa.

Sejumlah 30 lagu dipertandingkan dalam Semi-Final dan hanya 10 lagu yang layak ke peringkat akhir iaitu Salam (Lah Ahmad), Penyelamat (Hafiz Hamidun), Syahadah (Fadzli Fareast), Jalan Syahadah (Daqmie), Kalah Dalam Menang (Mawi Feat. Syamsul Yusof), Jangan Bimbang (Adeep Nahar, Altimet, Baba Andy, Erwan Muhibbain & Dani Loka), Ana Muslim (Simfoni), Syamail Muhammadiyah (UNIC), Jom Selawat (Heliza Helmi & Hazwani Helmi) dan Dalam Aku (Rabbani Feat. Black).

AN17 turut menyediakan beberapa kategori anugerah iaitu Juara, Naib Juara, Ketiga, Anugerah Lirik Terbaik, Anugerah Vokal Terbaik, Anugerah Persembahan Terbaik, Anugerah Artis Baru Terbaik dan Anugerah Muzik Video Terbaik. Manakala kategori anugerah pilihan pendengar/penonton pula ialah Anugerah Lagu Pilihan, Anugerah Artis Solo Pilihan dan Anugerah Artis Duo/Berkumpulan Pilihan.

YB Dato' Dr. Asraf Wajdi bin Dato' Dusuki, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah turut memeriahkan malam tersebut dengan menyampaikan hadiah kepada para pemenang di AN17. Turut hadir ialah Datuk Prof. Dr. Azizan binti Baharuddin, Ketua Pengarah IKIM dan Dato' Hj. Izelan Basar, Ketua Pegawai Eksekutif TV Alhijrah.

2017 NASHID AWARDS (AN17)

IKIM organised the 2017 Nashid Awards (AN17) with the collaboration of NBoS with Al-Hijrah Media Corporation (TV Alhijrah) on 13 January 2018 at the Malawati Stadium, Shah Alam, Selangor. The award was aimed at recognising industry players from songwriters, lyricists, singers and those involved in producing their work. The nashid songs contested did not only feature the nashid genre but also songs of divine and humanitarian themes.

AN17 started from the IKIMfm Nashid Chart Segment broadcasted every Saturday at 10a.m. hosted and produced by Mohd Erwan Johari, beginning March 2015 until May 2017 via listeners' vote every week. As climax of each season of the chart, IKIM in collaboration with TVAH held the 2017 Nashid Awards (AN17) Semi-Finals on 11, 18 & 25 November 2017 (Saturday) at the Big Studio, ABS.

The songs that had successfully entered the weekly chart were evaluated according to the designated scoring system set by IKIM. A more effective assessment of the award from the Professional Panel Jury appointed among local music

industry players made the AN2017 a prestigious and distinct event in the local and international Islamic entertainment.

A total of 30 songs competed in the Semi-Finals and only 10 made it to the finals which were Salam (Lah Ahmad), Penyelamat (Hafiz Hamidun), Syahadah (Fadzli Fareast), Jalan Syahadah (Daqmie), Kalah Dalam Menang (Mawi Feat. Syamsul Yusuf), Jangan Bimbang (Adeep Nahar, Altimet, Baba Andy, Erwan Muhibbain & Dani Loka), Ana Muslim (Simfoni), Syamail Muhammadiyah (UNIC), Jom Selawat (Heliza Helmi & Hazwani Helmi) and Dalam Aku (Rabbani Feat. Black).

The AN17 also featured several other awards: Champion, Runner-Up, Third, Best Song Writing, Best Vocal Award, Best Performance, Best New Artiste and Best Music Video. While the award categories chosen by listeners / audience were the Featured Song Award, Solo Artiste Choice Award and Duo/Group Artiste Selection Award.

YB. Dato' Dr. Asyraf Wajdi b. Dato' Dusuki, Deputy Minister in the Prime Minister's Department enlivened the night by delivering prizes to winners at AN17. Also present were Datuk Prof. Dr. Azizan bt. Baharuddin, IKIM Director-General and Dato' Hj. Izelan b. Basar, Chief Executive Officer of TV Alhijrah.



- Juara AN17 Fadzli Fareast (tengah) dengan lagu Syahadah diapit oleh Lah Ahmad dan Daqmi.
- Winner of AN17, Fadzli Fareast (centre) with the song Syahadah flanked by Lah Ahmad and Daqmi.

KARNIVAL IKIM SELANGOR 2018

Karnival Mahabbah IKIM Selangor 2018 telah berlangsung dengan jayanya dari 12-14 Januari. Program turun padang selama tiga hari ini merangkumi beberapa program menarik antaranya Ekspo Pameran & Jualan Produk, program Dari Konti ke Pentas slot Tarbiyah yang menampilkan Dr. Sharifah Hayaati, slot Mau'izati menampilkan Ustaz Ahmad Dusuki Abdul Rani serta Forum Sains dan Islam yang disertai Ustaz Muhammaad Abdullah Al-Amin, Ustazah Norhafizah Musa.

Tidak ketinggalan juga program berbentuk ilmiah seperti program Buku@IKIM turut diadakan. Program ini membicarakan mengenai buku bertajuk *Makanan antara Sunnah dan Sains* dan dikupas oleh Dr. Shaikh Mohd. Saifuddeen Shaikh Mohd. Salleh, Pengarah Pusat KIAS bersama Puan Norkumala Awang, Fellow Pusat KIAS manakala En. Ahmad Nazri Mohd Yusof sebagai moderator. Sepanjang karnival berlangsung turut diadakan pertandingan memanah, pertandingan mewarna dan lain-lain aktiviti yang terbuka kepada orang ramai. Karnival ini juga turut dimeriahkan dengan penampilan maskot Omar & Hana serta Didi & Friends. Hampir 200 buah booth rakan-rakan usahawan, korporat dan lain-lain telah turut menjayakan program di perkarangan Stadium Malawati, Shah Alam.

IKIM SELANGOR CARNIVAL 2018

The IKIM Mahabbah Selangor Carnival 2018 was successfully held from 12-14 January. The three-day on-the-ground event had some interesting programmes; among them were Products Exhibition & Sales Expo, from Conti to Stage programme the Tarbiyah slot featuring Dr. Sharifah Hayaati, the Mau'izati slot featuring Ustaz Ahmad Dusuki Abdul Rani and the Science and Islam Forum by Ustaz Muhammaad Abdullah Al-Amin and Ustazah Norhafizah Musa.

There were also intellectual programmes such as Book@IKIM. The programme also discussed the book titled *Food between Sunnah and Science* by Dr. Shaikh Mohd. Saifuddeen Shaikh Mohd. Salleh, Director of KIAS Centre with Mdm. Norkumala Awang, KIAS Centre Fellow while Mr. Ahmad Nazri Mohd Yusof as the moderator. Other activities like the archery competition, colouring competition were held during the carnival which were open to the public. The carnival was also enlivened by mascots like Omar & Hana and Didi & Friends. Nearly 200 booths by entrepreneurs, corporations and others took part in the programme at the compound of the Malawati Stadium, Shah Alam.



- Program Dari Konti ke Pentas slot Tarbiyah.
- *The Tarbiyah slot Programme "From Conti to Stage".*



- Program Buku@IKIM.
- *The Book@ IKIM Programme.*



- Pertandingan mewarna.
- *Colouring competition.*



- Sebahagian gerai jualan dan pameran yang terdapat sepanjang karnival berlangsung.
- *Part of the stalls and exhibit booths throughout the carnival.*

FORUM HARMONI “MERAIKAN KEPELBAGAIAN DAN KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT AGAMA”



- Sebahagian daripada para peserta.
- *Part of the participants present.*

IKIM dengan kerjasama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) serta Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) telah menganjurkan program Forum Harmoni Sempena Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia 2018: “Meraikan Keplbagaian dan Keharmonian Antara Agama” pada 6 Februari 2018.

Program yang dirasmikan oleh YB Dato’ Seri Jamil Khir bin Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini turut dihadiri oleh YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Objektif program ini adalah untuk mengangkat nilai keharmonian dan perpaduan antara masyarakat pelbagai agama di Malaysia menerusi kesedaran tentang hubungan antara agama dan kelestarian. Selain itu ia juga menjelaskan perspektif agama mengenai prinsip berkaitan perpaduan dan keharmonian serta membina kesedaran tentang tanggungjawab pelbagai pihak (organisasi dan individu) terutamanya belia dalam usaha mencapai perpaduan yang berkekalan. Di akhir forum ini, para panel dan peserta telah membincangkan bagaimana kefahaman tentang nilai agama oleh setiap penganut agama masing-masing dapat membantu dalam menangani isu-isu berkaitan perpaduan dan keharmonian.

Turut hadir di forum ini ialah Dato’ Abibullah Haji Samsudin, Ketua Pengarah Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), dan Datuk Baharin Idris, Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional.

HARMONY FORUM ON “CELEBRATING DIVERSITY AND HARMONY AMONG RELIGIOUS ADHERENTS”



- Peserta forum bergambar bersama tetamu kehormat.
- *Forum participants photographed with guests of honour.*

IKIM in collaboration with the Malaysia Islamic Economic Development Foundation (YaPEIM) and the National Unity and Integration Department (PERPADUAN) organised a Harmony Forum programme in conjunction with the Universal Harmony among Religious Adherents Week 2018: “Celebrating Interfaith Diversity and Harmony” on 6 February 2018.

The programme was officialised by YB. Dato’ Seri Jamil Khir b. Baharom, Minister in the Prime Minister’s Department and attended by YB. Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, Minister in the Prime Minister’s Department. The objective of the programme was to raise the value of harmony and unity among various religious communities in Malaysia through the awareness of relationship between religion and sustainability. Besides that, it also explained the religious perspective on principles of unity and harmony as well as building awareness on the responsibilities of various parties (organisations and individuals), especially youths in the pursuit of sustainable unity. At the end of the forum, panelists and participants discussed how the understanding of religious values of each believer can help in addressing issues of unity and harmony.

Also present at the forum were Dato’ Abibullah b. Hj. Samsudin, Director-General of the Malaysian Islamic Economic Development Foundation (YaPEIM), and Datuk Baharin b. Idris, Director-General of National Unity and Integration Department.

SEMINAR MAQASID AL-SYARIAH & PERUBAHAN IKLIM

Seminar Maqasid Al-Syari'ah & Perubahan Iklim telah diadakan pada 20–21 Februari bertempat di Dewan Besar IKIM. Seminar telah dirasmikan oleh YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi Dato' Dusuki, mantan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Seminar ini merupakan satu platform bagi perkongsian dan pendedahan kepada masyarakat berkenaan perubahan iklim yang melanda dunia hari ini yang menyaksikan kerugian yang pelbagai akibat gempa bumi, tsunami, siklon tropika, dan banjir. Antara objektif seminar ini adalah untuk membahaskan kaedah interaksi manusia dengan alam berdasarkan kerangka Syariah.

Ketua Pengarah IKIM, Datuk Prof. Dr. Azizan Baharuddin dalam ucaptamanya yang bertajuk "Deklarasi Islam Mengenai Perubahan Iklim" menjelaskan mengenai peranan penting umat Islam bagi menangani fenomena perubahan iklim. Ucaptama bertajuk "Indeks Syariah Malaysia : Prasarana dan Persekitaran ke Arah Pembangunan Lestari" telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. S.Ahmad Iskandar S.Ariffin, Pengarah Eksekutif UTM.

SEMINAR ON "MAQASID AL-SHARIAH & CLIMATE CHANGE"

The Seminar on "Maqasid Al-Shariah & Climate Change" on 20–21 February at IKIM Main Hall was officialised by YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi b. Dato' Dusuki, former Deputy Minister in the Prime Minister's Department.

The seminar is a platform for partnership and exposure to the society on climate change that has swept the world today which saw various losses due to earthquake, tsunami, tropical cyclone and flood. Among the objectives of the seminar are to debate the interaction between man and nature based on the Shariah.

IKIM Director-General, Datuk Prof. Dr. Azizan bt. Baharuddin in her keynote address titled "Islamic Declaration on Climate Change" explained the important role of Muslims in addressing the phenomena of climate change. The keynote address titled "Malaysian Shariah Index: Infrastructure and Environment towards Sustainable Development" was delivered by Assoc. Prof. Dr. S.Ahmad Iskandar b. S.Ariffin, Executive Director of UTM.



- Dr Mohd Farid Mohd Shahrhan, Fellow Kanan/Pengarah Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang & Politik.
- Dr. Mohd Farid Mohd Shahrhan, Senior Fellow / Director of Centre for the Study of Shariah, Law & Politics.

PERSIDANGAN MEJA BULAT "MATAWANG KRIPTO & SISTEM KEWANGAN DIGITAL"

ROUNDTABLE CONFERENCE ON "CRYPTO CURRENCY & DIGITAL FINANCE SYSTEM"



- Datuk Dr. Syed Othman Alhabshi ketika merasmikan persidangan meja bulat.
- *Datuk Dr. Syed Othman Alhabshi officialised the round table conference.*

- Dari kiri Datuk Dr. Mohd Daud Bakar, Pengasas/Pengerusi Eksekutif Amanie Group, Datuk Dr. Syed Othman Alhabshi, Ahli Lembaga Pengarah IKIM dan Dr. Mohd Farid Mohd Shahrhan, Pengarah Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik IKIM.

- *From left: Datuk Mohd Daud b. Bakar, Founder/Executive Chairman of Amanie Group, Datuk Dr. Syed Othman Alhabshi, IKIM Board Member and Dr. Mohd Farid b. Mohd Shahrhan, Director of IKIM Centre for Shariah Law and Politics.*

Persidangan yang diadakan di Dewan Besar IKIM pada 28 Februari ini membahaskan isu penting dan terkini yang sedang melanda perkembangan sistem kewangan dunia. Mata wang kripto (*cryptocurrency*) dan sistem kewangan digital, membuka lembaran baru dalam evolusi berkadar terus dengan perkembangan teknologi. Isu ini merupakan antara isu yang hangat diperkatakan bukan sahaja di peringkat kebangsaan malah di persada antarabangsa. Persidangan ini merupakan platform percabahan ilmu dalam kalangan profesional muslim terhadap mata wang kripto dan hala tuju sistem kewangan digital itu di Malaysia.

The conference which was held at the IKIM Grand Hall on 28 February, addressed the important and current issue that has struck the development of the world financial system. Cryptocurrency and digital financial systems, open a new leaf in the direct proportionate evolution to technological developments. The issue is one of the hottest not only at the national but also international level. The conference is a knowledge-based platform amongst Muslim professionals on crypto currency and the direction of the digital financial system in Malaysia.

Inovasi wang digital dalam ekosistem kewangan berasaskan teknologi yang dikenali sebagai blockchain kini telah mendesak ramai pihak mencari jawapan sama ada menerima, menolak atau mengawalinya. Dalam proses membuat keputusan penting ini, pemikir Islam dan pengamal industri kewangan Islam digembleng dalam mencari solusi yang tuntas terhadap kedudukan wang kripto dari sudut syariah.

Digital money innovation in a technology-based financial ecosystem known as blockchain has now urged many parties to seek answers whether to accept, reject or control it. In this important decision-making process, Islamic thinkers and practitioners of the Islamic finance industry are mobilised to find complete solutions regarding the position of crypto money from the shariah point of view.

Persidangan meja bulat telah menghimpunkan pakar-pakar berkaitan bagi membincangkan secara mendalam dan saksama seterusnya mengusulkan satu pendirian yang selari dan harmoni demi kemaslahatan bersama. Objektif persidangan ini iaitu untuk memperhalusi konsep mata wang kripto dan sistem transaksi kewangan digital; menilai sudut kepatuhan dan tadbir urus syariah dalam mata wang kripto & kewangan digital; serta menggariskan panduan syariah dalam mengawal selia mata wang kripto, transaksi dan urusan berkaitan industri berasaskan tekno-wang.

The roundtable conference brought together relevant experts to discuss deeply and equally and propose a parallel and harmonious stand for mutual benefit. The objectives of the conference were to refine the concept of crypto currency and the digital financial transaction system; to assess the adherence and shariah governance in crypto currency and digital finance; as well as outline shariah guidelines in regulating crypto currency, transaction and trading in technology-based industry.

FORUM “SELANGKAH KE ALAM BARZAKH”



▪ Ustaz Ahmad Dusuki

Unit Perundingan IKIM telah mengadakan Forum “Selangkah Ke Alam *Barzakh*” untuk Kelab Rekreasi Prokhas Kuala Lumpur (KRPKL) pada 4 Februari 2018. Forum ini mengenengahkan Ustaz Ahmad Dusuki Abd Rani dan Ustaz Jefri Abu Bakar Mahmoodi manakala pengantara adalah Muhammad Syafiq Mehammad Salleh Alaihuddin, Penerbit Rancangan IKIMfm. Objektif forum ini adalah untuk meningkatkan kesedaran para peserta tentang persiapan menuju ke alam *barzakh* serta memantapkan pengetahuan para peserta berkaitan alam *barzakh*. Ustaz Ahmad Dusuki merupakan personaliti IKIMfm yang bersiaran di dalam slot *Mau’izati* pada setiap hari Khamis.

KURSUS KESEJAHTERAAN PSIKOSOSIAL DALAM ORGANISASI



▪ Para peserta yang serius dan tekun mendengar penjelasan daripada Prof. Madya Datin Dr. Noraini Othman.

▪ *Participants listened intently to Assoc. Prof. Datin Dr. Noraini Othman’s explanation.*

Kursus ini telah diadakan pada 20-21 Februari di Hotel Bangi-Putrajaya. Objektif kursus ini adalah memberi kefahaman mengenai faktor-faktor risiko serta mempelajari kaedah merumus dan menilai faktor risiko psikososial yang wujud di dalam organisasi serta mengenalpasti dan meninjau beberapa program intervensi psikososial yang berkesan dalam meningkatkan kesejahteraan psikososial pekerjaan. Psikososial merujuk kepada komponen psikologi dan persekitaran, dan memahami bagaimana kedua-dua komponen ini saling berkait rapat dalam memberi kesan kepada kehidupan manusia. Justeru, program ini diadakan sebagai satu langkah proaktif dalam membina dan mengekalkan kesejahteraan psikososial individu dan organisasi ke arah kesejahteraan dan peningkatan produktiviti.

FORUM ON “A STEP INTO THE BARZAKH WORLD”



▪ Para peserta sedang khusyuk mendengar ceramah.

▪ *The participants listened intently to the talk.*

The IKIM Consultancy Unit held a Forum on “A Step into the Barzakh World” for the Kuala Lumpur Prokhas Recreational Club (KRPKL) on 4 February 2018. The forum featured Ustaz Ahmad Dusuki b. Abd Rani and Ustaz Jefri b. Abu Bakar Mahmoodi while the mediator was Muhammad Syafiq b. Mehammad Salleh Alaihuddin, IKIMfm Programmes Producer. The objective of the forum was to raise participants’ awareness on the preparation towards the barzakh world and to strengthen participants’ knowledge regarding the barzakh world. Ustaz Ahmad Dusuki is an IKIMfm personality in the ‘Mau’izati’ slot every Thursday.

A COURSE ON “PSYCHOSOCIAL WELLNESS IN THE ORGANISATION”



▪ Penggunaan peralatan seperti pensil warna, krayon dan tanah liat digunakan dalam sesi kendalian Dr. Rafidah Kastawi bagi membantu dalam pengurusan stres.

▪ *The use of apparatus such as colour pencils, crayons and clay during Dr. Rafidah Kastawi’s session to assist in stress management.*

The course was held on 20-21 February at Hotel Bangi-Putrajaya. The objectives of the course were to provide understanding regarding risk factors and to study the method of formulating and assessing the psychosocial risk factors which exist within organisation as well as identifying and reviewing some effective psychosocial intervention programmes in improving the psychosocial well-being of work. Psychosocial refers to the psychological component and the environment, and participants were taught to understand how the two components are closely related to affect human life. Hence, the programme was to be a proactive step in building and maintaining the psychosocial well-being of individuals and organisations towards prosperity and productivity improvement.



PEMBENTANGAN PRESENTATION

Sesi pembentangan Datuk Prof. Dr. Azizan Baharuddin, Ketua Pengarah IKIM di kluster 4 : Interfaith Dialogue vs Intercultural Competence : Social Impact in Malaysia sempena National Aspiration & Leadership Summit 2018 (NALS) Youth Arise : Mapping The Ideal Malaysia di PWTC, Kuala Lumpur pada 4 Februari 2018.

The presentation session by Datuk Prof. Dr. Azizan bt. Baharuddin, IKIM Director-General at the Cluster 4: Interfaith Dialogue vs Intercultural Competence: Social Impact in Malaysia in conjunction with the National Aspiration & Leadership Summit 2018 (NALS) Youth Arise: Mapping The Ideal Malaysia at PWTC, Kuala Lumpur on 4 February 2018.

MAJLIS PERHIMPUNAN AGENSI-AGENSI

GATHERING OF AGENCIES



Majlis Perhimpunan Agensi-Ageni Di Bawah YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Haji Baharom, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri telah diadakan pada 16 Januari 2018 di Auditorium, JAKIM, Kompleks Islam Putrajaya. Kesemua ketua jabatan dan agensi telah turut hadir bersama warga kerja agensi bagi mendengar amanat daripada YB Menteri.

YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Haji Baharom, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri turut menyerahkan sijil perlantikan kepada 15 Ketua Pasukan Garis Panduan Tadbir Urus Syariah (GTU-S) bagi setiap agensi. Setiap agensi juga diharapkan dapat memberikan komitmen secara konsisten bagi memastikan aspirasi pewujudan GTU-S ini dapat direalisasikan dengan jayanya.

The Assembly of Agencies Under YB Major-General Dato' Seri Jamil Khir b. Hj. Baharom, Minister In The Prime Minister's Department was held on 16 January 2018 at the Auditorium, JAKIM, Putrajaya Islamic Complex. All department heads and agencies were also present with the staff to listen to the mandate from the YB Minister.

The YB Major-General also handed over certificates of appointment to 15 Team Leaders of Shariah Governance Guidelines (GTU-S) for each agency. Each agency was also expected to give their consistent commitment to ensure the aspiration of the creation of the GTU-S could be successfully realised.

- Sebahagian daripada wakil-wakil agensi yang dilantik sebagai Ketua Pasukan Tadbir Urus Syariah (GTU-S).
- Part of the agency representatives appointed as Heads of the Shariah Governance Team (GTU-S).

PENGHARGAAN SEMPENA SAMBUTAN MINGGU KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT SEDUNIA

ACKNOWLEDGMENT IN CONJUNCTION WITH WORLD HARMONY WEEK CELEBRATIONS

Majlis Ramah Mesra Menteri di Jabatan Perdana Menteri Bersama Pemimpin Agama sempena Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia telah diadakan pada 27 Februari 2018. Majlis telah dirasmikan oleh YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan ucap tama telah disampaikan oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri di Dewan Putra B, Putrajaya International Convention Centre (PICC).

Datuk Prof. Dr. Azizan Baharuddin, Ketua Pengarah IKIM telah menerima sijil penghargaan atas sumbangan dan usahasama IKIM dengan PERPADUAN dalam hal ehwal keharmonian antara penganut agama. Sijil penghargaan telah disampaikan oleh YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

A friendly reception by Minister in the Prime Minister's Department with Religious Leaders in conjunction with Universal Harmony Week Among Religious Adherents Celebrations was held on 27 February 2018. The ceremony was officialised by YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, Minister in the Prime Minister's Department and the keynote address was delivered by YB Major-General Dato' Seri Jamil Khir b. Baharom (Rtd.), Minister in the Prime Minister's Department at Putra B Hall, Putrajaya International Convention Centre (PICC).


Datuk Prof. Dr. Azizan bt. Baharuddin, IKIM Director-General received a certificate of appreciation for IKIM's contribution and collaboration with PERPADUAN in the affairs of harmony among religious adherents. The certificate of appreciation was presented by YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, Minister in the Prime Minister's Department.




- Datuk Prof. Dr. Azizan Baharuddin ketika menghadiri majlis Penghargaan Sempena Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Sedunia.
- Datuk Prof. Dr. Azizan Baharuddin while attending the Appreciation Ceremony in conjunction with the World Inter-Adherents Harmony Week Celebrations.

DUNIAKU BUKU

Rancangan ini diterbitkan & dikendalikan oleh DJ Ahmad Nazri Mohd Yusof.




- 18 Januari – buku berjudul “Kecelaan Tipu Daya: Terjemahan Kitab Dhamm Al-Ghurur Daripada Ihyā’ Ulum al-Din” yang diterjemahkan oleh En. Md. Asham Ahmad, Felo Kanan Pusat Kajian SYARAK.
- 18 January – the book titled *The Evils of Deception: A Translation of Kitab Dhamm Al-Ghurur from Ihyā’ Ulum al-Din* translated by Mr. Md. Asham Ahmad, SHARAK Centre Senior Fellow.




- 22 Februari – buku berjudul “Dialog Antara Penganut Agama” oleh Pn. Enizahura bt. Abdul Aziz, Felo Pusat SYARAK.
- 22 February – the book titled *Dialogue Among Religious Adherents* by Mdm. Enizahura bt. Abdul Aziz, SHARAK Centre Fellow.

MY WORLD OF BOOKS

The programme is produced and hosted by IKIMfm Presenter, Ahmad Nazri Mohd Yusof.



- 11 Januari – buku berjudul Buku “Rangkuman Kewangan Islam” oleh Pn. Sapuah Hj. Nawawi, Ketua Penerbit IKIM dan En. Muhammad Hisyam Mohamad, Felo Pusat EMAS.
- 11 January – the book titled *Islamic Financial Inclusion* by Mdm. Sapuah bt. Hj. Nawawi, Chief Administrative Officer of IKIM Press and Mr. Muhammad Hisyam Mohamad, EMAS Centre Fellow.



- 25 Januari – buku berjudul “Pemeriksaan Perpustakaan Islam” oleh Pn. Saniah Armia dan Pn. Azhani Zakaria.
- 25 January – the book titled *Empowerment of the Islamic Library* by Mdm. Saniah Armia and Mdm. Azhani Zakaria.

Penganugerahan Awards

PENGANUGERAHAN AWARDS

Penyertaan sulung produksi tvIKIM telah memenangi hadiah saguhati untuk terbitan video pendek bertajuk “Ammar” sempena Anugerah Pemenang Pertandingan Video Pendek “9 Pesan Luqman” anjuran Kumpulan Media Karang kraf pada 24 Januari.

The maiden participation by tvIKIM won a consolation prize for a short video production titled “Ammar” in conjunction with the 9 Luqman Message’s Short Video Competition Winners Award organised by Karang kraf Media Group on 24 January.



IKIM DI MEDIA IKIM IN THE MEDIA

Slot "Ruang Bicara" di Bernama News Channel bersama Datuk Prof. Dr. Azizan Baharuddin, Ketua Pengarah IKIM dan En. Fadzli, Artis Nasyid Far East manakala pengantara adalah En. Essan Yahya pada 8 Januari. Wawancara ini membicarakan mengenai Anugerah Nasyid 2017 (AN17) dan Karnival Mahabbah IKIM Selangor 2018.

The "Talk Space" slot on Bernama News Channel with Datuk Prof. Dr. Azizan Baharuddin, IKIM Director-General and Mr. Fadzli, Far East Nashid artiste while the mediator was Mr. Essan Yahya on 8 January. The slot was about the 2017 Nashid Awards (AN17) and the 2018 IKIM Selangor Mahabbah Carnival



Hajah Fairuz Noordin, Pengurus Hubungan Strategik IKIMfm dalam slot "Assalamualaikum" terbitan TV Al-Hijrah pada 11 Januari bagi mempromosikan Karnival Mahabbah IKIM Selangor 2018 dan Anugerah Nasyid 2017.

Hjh. Fairuz Noordin, IKIMfm's Strategic Relations Manager, in the "Assalamualaikum" slot of TV Al-Hijrah on 11 January to promote the 2018 IKIM Selangor Mahabbah Carnival and the 2017 Nashid Awards.



Temubual Datuk Prof. Dr. Azizan Baharuddin bersama akhbar terbitan Jepun, Seikyo Shimbun, pada 15 Januari.

An interview with Datuk Prof. Dr. Azizan Baharuddin by the Japanese newspaper Seikyo Shimbun, on 15 January.



Slot "Assalamualaikum" di TV Al Hijrah bersama Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen b. Shaikh Mohd Salleh dan Cik Wan Roslili bt. Abd. Majid mempromosikan Seminar Maqasid Syariah & Perubahan Iklim pada 5 Februari.

The "Assalamualaikum" slot on TV Al Hijrah with Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen b. Shaikh Mohd Salleh and Ms. Wan Roslili bt. Abd. Majid promoting the Seminar on "Maqasid al-Shariah & Climate Change" on 5 February.



Slot "Selamat Pagi Malaysia" di RTM1 bersama Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen b. Shaikh Mohd Salleh dan Cik Wan Roslili bt. Abd. Majid mempromosikan Seminar Maqasid Syariah & Perubahan Iklim pada 12 Februari.

The "Good Morning Malaysia" slot on RTM1 with Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen b. Shaikh Mohd Salleh and Ms. Wan Roslili bt. Abd. Majid promoting the Seminar on "Maqasid al-Shariah & Climate Change" on 12 February.

IKIMfm IKIMfm

Tetamu IKIMfm Syeikh Muhammad Ilyas Chiniotti dari Punjab, India pada 8 Januari.

The IKIMfm guest, Syeikh Muhammad Ilyas Chiniotti, from Punjab, India on 8 January.



Lt. Kol. Norhana Abd Manap, juruterbang helikopter wanita pertama negara yang bersiaran dalam slot "Inspirasiku" pada 20 Februari.

Lt. Col. Norhana Abd Manap, the country's first female helicopter pilot aired on the "Inspirasiku" slot on 20 February.

Lawatan & Kunjungan Hormat Visit And Courtesy Call

Lawatan & Kunjungan Hormat VISIT AND COURTESY CALL

IKIM telah menerima kunjungan daripada Datuk Haji Abdul Adzis Abas, Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan beberapa orang pegawai DBP lain yang turut serta pada 26 Januari 2018. Kunjungan tersebut turut membincangkan beberapa bentuk program kerjasama yang dapat memberikan manfaat kepada masyarakat dan kedua-dua agensi tersebut. Datuk Prof. Dr. Azizan Baharuddin bersama beberapa pegawai IKIM yang lain turut berbesar hati dengan cadangan yang dikemukakan oleh pihak DBP.

IKIM received a visit from Datuk Hj. Abdul Adzis Abas, Director-General of the Council of Language and Letters (DBP) and several other DBP officials on 26 January 2018. The visit also discussed some cooperation programmes that can benefit the society and both agencies. Prof. Dr. Azizan Baharuddin and other IKIM officials welcomed the suggestions made by the DBP.



- Datuk Prof. Dr. Azizan Baharuddin menyampaikan cenderahati berupa buku 25 Tahun IKIM kepada Datuk Haji Abdul Adzis Abas, Ketua Pengarah DBP.
- Datuk Prof. Dr. Azizan Baharuddin presenting a souvenir of the IKIM 25 Years book to Datuk Hj. Abdul Adzis Abas, DBP Director-General.



Kunjungan daripada YBhg. Dato' Abibullah Haji Samsudin, Ketua Pengarah, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) pada 12 Januari.

A visit from YBhg. Dato' Abibullah Haji Samsudin, Director-General of the Malaysian Islamic Economic Development Foundation (YaPEIM) on 12 January.



Kunjungan dan sesi perbincangan bersama Datuk Jamal Mohd Amin, Presiden UNITI.Asia, Dr. Syed Omar Syed Agil, Director Branding & Marketing, UNITI. Asia pada 26 Januari 2018.

A visit and discussion with Datuk Jamal Mohd Amin, President of UNITI.Asia, Dr. Syed Omar Syed Agil, Director of Branding & Marketing, UNITI.Asia on 26 January.



Lawatan Sekolah Menengah Kebangsaan Simpang Renggam, Kluang Johor pada 25 Januari 2018.

A visit from Simpang Renggam National Secondary School, Kluang Johore on 25 January.



Lawatan Imam Mukim Bachok di bawah kelolaan Masjid Mahmoodi, Bachok Kelantan pada 12 Februari.


A visit from the Bachok Subdistrict Imam under the supervision of Mahmoodi Mosque, Bachok, Kelantan on 12 February.



Lawatan dari Kolej Al-Quran Terengganu pada 25 Januari 2018.

A visit from the Terengganu Al-Quran College on 25 January 2018.




CD • DVD • KOMPILASI DIGITAL /Digital Compilation • SIRI DIGITAL /Digital Series
• PENDAFTARAN PROGRAM /Programme Registration • CENDERAHATI /Merchandise



PRODUK DIBELI SECARA ONLINE DI
di niaga.tvikim.my
Products can be purchased at niaga.tvikim.my

Pertanyaan lanjut, hubungi /
Further enquiries, please contact

03-62046359



ekiosk IKIM / IKIM ekiosk
BUKU/Books
KERTAS KERJA/Papers
PROGRAM IKIM/IKIM Programmes

Buku boleh dibeli terus dari Galeri Penerbit IKIM atau secara online di eKiosk IKIM, www.ikim.gov.my

Books can be purchased directly from the IKIM Press Gallery or at IKIM eKiosk, www.ikim.gov.my

Pertanyaan lanjut, hubungi Penerbit IKIM di talian /
Further enquireis, please contact IKIM Press at

03-62046250/152 atau/or

Facebook IKIM & Penerbit IKIM /
IKIM Fact books & IKIM Press

TERMA PENGHANTARAN /Delivery Terms

Untuk makluman, Penghantaran pesanan adalah dalam tempoh 5 hari bekerja dengan menggunakan perkhidmatan POS LAJU. / Order delivery is within 5 working days by POSLAJU service.

KAEDAH PEMBAYARAN /Payment Method

Pembayaran sama ada melalui iPay88 (perbankan internet) atau SenangPay (kad kredit & perbankan internet. / Payment either by iPay88 (internet banking) or SenangPay (credit card & internet banking)

PROMOSI 2018
SEWA DEWAN & FASILITI
INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)

HARGA BERMULA DARIPADA
RM1500++

PERKAHWINAN
MAJLIS KORPORAT
MAJLIS MAKAN MALAM
MESEYUARAT/PERBINCANGAN

KENAPA DEWAN IKIM MENJADI PILIHAN ANDA

- Lokasi strategik
- Dewan berhawa dingin
- Tapak parking yang luas
- Bilik persalinan disediakan
- Tandas disediakan
- Surau yang selesa
- Pentas mudah alih
- Basic PA System

UNTUK TEMPAHAN
Hubungi Sekarang!



03-6204 6388 / 018-353 0746
 Institut Kefahaman Islam Malaysia
 No. 2 Langgak Tunku
 Off Jalan Tuanku Abdul Halim
 50480 Kuala Lumpur

www.ikimniaga.my [IKIM Niaga](https://www.facebook.com/IKIMNiaga) [sewaandewanikim](https://www.instagram.com/sewaandewanikim) fasiliti@ikim.gov.my

SEWAAN DEWAN/HALL RENTAL
WEBOPac Perpustakaan/Library WEBOPac
Perundingan dan Latihan/Training & Consultancy
Pengurusan Acara /Event Management

